

## Majikan usah berkira selenggara pendingin hawa

Lugman Arif Abdul Karim - September 11, 2021 @ 11:29am  
[lugman.arif@bh.com.my](mailto:lugman.arif@bh.com.my)



- Hiasan. FOTO NSTP

KUALA LUMPUR: Majikan disaran untuk tidak mengambil langkah penjimatan kos, dengan mengetepikan keperluan menyelenggara sistem pendingin hawa sebagai usaha mengekang penularan jangkitan COVID-19 menerusi aerosol.

Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, ketika mengingatkan perkara itu berkata, sikap sedemikian bakal mengundang kesan buruk terhadap kualiti udara dan pekerja, malah mengakibatkan peningkatan kos dalam jangka panjang.

Katanya, kegagalan menyelenggara pendingin hawa dengan baik akan menyebabkan sistem kitaran dan kualiti udara dalam terjejas, sekali gus berupaya mencetuskan kluster tempat kerja sekiranya wujud kes positif serta tidak bergejala di kawasan pejabat tertutup.

"Sistem pengudaraan yang tidak baik akan menyebabkan jangkitan berlaku lebih pantas. Jika berlaku penularan COVID-19 di tempat kerja, kos terhadap majikan adalah tinggi kerana pihak berkuasa akan mengarahkan penutupan sementara tempat kerja.

"Pihak berkuasa akan mengarahkan seluruh tempat kerja disanitasi dan saringan dibuat kepada semua pekerja," katanya kepada BH, hari ini.

Beliau mengulas cadangan supaya premis diwajibkan mengukur kepekatan karbon di tempat kerja tertutup bagi memastikan sistem pengudaraan sentiasa baik, sekali gus mengurangkan risiko penularan COVID-19.

Hasil kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) diketuai Pensyarah Kanan Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar, Prof Madya Dr Mohd Shahrul Mohd Nadzir, mendapati risiko penularan COVID-19 di dalam bangunan tertutup dengan sistem pengudaraan lemah adalah lebih tinggi dan menjadi penyumbang kepada peningkatan kluster tempat kerja.

Situasi itu lebih parah jika majikan bertindak menjimatkan kos dengan tidak menyelenggara pendingin hawa sehingga menyebabkan sistem dan kualiti pengudaraan dalam terjejas, sekali gus menjadi punca kewujudan kluster tempat kerja.

Syed Hussain berkata, menjelang peralihan fasa endemik, MEF meminta kerajaan mengeluarkan garis panduan jelas mengenai perkara yang perlu dilakukan, bagi mengelak sebarang pertikaian antara majikan dan kesatuan sekerja.

Selain itu, katanya, garis panduan sedemikian harus meliputi langkah menangani kes penyalahgunaan kuarantin kendiri oleh mana-mana pihak, sekiranya mana-mana kakitangan didapati positif COVID-19.

"MEF akan mengeluarkan garis panduan berkaitan untuk menjadi panduan kepada ahli MEF. Majikan digalakkan menggubal dasar berkaitan untuk diikuti pekerja demi mengelak sebarang pertikaian pada masa depan.

"Kerajaan juga memutuskan pembukaan kapasiti sektor perkilangan bergantung kepada kadar pekerja yang divaksin, justeru pekerja yang belum divaksin tidak boleh memasuki tempat kerja.

"Mereka yang belum divaksin penuh dilarang ke tempat kerja sehingga mereka mendapat vaksinasi penuh atau kerajaan mengisyiharkan Malaysia bebas daripada COVID-19.

"Dasar sedemikian wajar kerana majikan ingin memastikan tiada jangkitan di tempat kerja kerana kos berkaitan untuk menangani jangkitan adalah tinggi, membabitkan penutupan sementara tempat kerja, sanitisasi dan ujian saringan kepada semua pekerja," katanya.